



BULETIN BULAN OGOS - Himpunan Saf 1/2016 -

11 OGOS 2016



SELAMAT HARI KEMERDEKAAN KE 59/2016

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sehati Sejiwa,



Budaya kerja

Merujuk kepada nilai, kepercayaan dan sikap nilai, kepercayaan dan sikap pekerja terhadap pekerjaan.

Integriti Bukan Isu Rasuah sahaja.

Isu integriti bukan hanya terfokus kepada isu-isu rasuah sahaja, malah ia merupakan satu konsep yang lebih besar. Amalan budaya kerja juga menuntut integriti. Integriti dalam ketepatan waktu, integriti dalam menyampaikan maklumat, integriti dalam memberi perkhidmatan terbaik, integriti dalam berhubung dengan ketua jabatan, rakan sekerja dan juga kakitangan sokongan.

Budaya Kerja Dalam Organisasi

Budaya , etika dan integriti ini adalah amat penting dalam mana-mana organisasi kerana ia memastikan perlaksanaan apa jua program serta matlamat dicapai dengan baik serta beretika.

Antara objektifnya:

1. Memberikan hala tuju dan bimbingan pelbagai sektor supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika;

2. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam usaha peningkatan integriti supaya ia menjadi budaya masyarakat kualiti dalam organisasi, beberapa ciri harus diberi perhatian;
- i) Orientasi warga kerja haruslah bergerak di atas landasan yang betul sebagai pra syarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu mesti ada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang.
 - ii) Komitmen daripada segala lapisan warga kerja bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi adalah dituntut.
 - iii) Kerja yang hendak dilaksanakan perludilakukan dengan sepenuh hati atas kehendak organisasi dengan mengetepikan segala kepentingan lain khususnya kepentingan peribadi.
 - iv) Sesebuah organisasi mewujudkan 'mind-set' yang berorientasikan kecemerlangan supaya warga kerja lebih komited kepada matlamat utama jabatan.
 - v) Sentiasa menggalakkan warga kerja menghayati serta mempraktikkan amalan-amalan pengurusan yang boleh meningkatkan kecemerlangan organisasi.

PENUTUP

Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akantercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif

SALAM SEHATI SEJIWA

**Percubaan PT3 & SPM akan bermula...
PT3 - 14 Ogos
SPM - 17 Ogos
Misi Menebus Maruah !!!!**



Terimakasih

Selamat Bekerja !

*Jangan lupa Sertakan Do'a
dalam segala kegiatan anda !*

MOHD AZMI AWANG
Pengetua
SMK. Wakaf Bharu

The Inspiring School